# 10 Sebab Kenapa Anwar Dipenjara - Ariffin Jaka

Oleh: PENUUS KHAS

KUALA LUMPUR - Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Ariffin Jaka telah mengemukakan 10 sebab mengapa Datuk Seri Anwar Ibrahim dipenjarakan selama sembilan tahun di atas kesalahan meliwat bekas pemandunya, Azizan Abu Bakar pada 8 Ogos 2000.

Hukuman itu akan berkuatkuasa selepas bekas Timbalan Perdana Menteri itu tamat menjalani hukuman penjara selama enam tahun terhadap kesalahan rasuah sebelum ini.

Arifftn dalam penghakiman setebal 206 halaman menghuraikan dengan teliti keterangan sembilan saksi pendakwa dan 29 saksi pembela dalam 10 sebab mensabitkan kesalahan Anwar dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja meliwat Azizan.

Beliau telah mengedarkan penghakiman bertulisnyanya kepada pihak media selepas menyiapkannya pada 30 April lain dan diserahkan kepada pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi Jenayah bagi membolehkan semua dokumen mengenai kes itu disusun sebagai rekod rayuan. Antara sebab-sebab itu ialah;

- Pembelaan alibi kedua-dua tertuduh tidak meliputi keseluruhan Januari hingga Mac 1993 seperti yang dicatatkan dalam tuduhan. Pembelaan alibi mereka hanya meliputi dari 4 Februari hingga 31 Mac dan oleh itu, ia gagal.
- Pembelaan kedua-dua tertuduh bahawa mereka tidak pernah ke Tivoli Villas pada jam 7.45 malam di antara Januari dan Mac 1993 juga gagal berdasarkan keterangan Azizan yang diterima mahkamah sebagai benar dan boleh dipercayai.
- Pembelaan konspirasi untuk mengada-adakan bukti gagal dibuktikan dengan keterangan yang boleh diterima pakai dan menyakinkan.
- Pengakuan Sukma Darmawan dibuat secara sukarela.
- Kebenaran pengakuan itu *(Sukma)* berjaya dibuktikan terhadap kedua-dua tertuduh.
- Terdapat sokongan keterangan Azizan.
- Kewibawaan Azizan diterima di mahkamah .
- Sukma Darmawan gagal menimbulkan keraguan terhadap kes bersubahat dengan Anwar melakukan perbuatan liwat ke atas Azizan.
- Keputusan mahkamah bahawa keterangan pembelaan gagal menimbulkan sebarang keraguan kes pendakwaan.
- Mahkamah jugn mendapati pendakwa berjaya membuktikan kesnya mengatasi keraguan munasabah terhadap kedua-dua tertuduh.

Di samping itu, Ariffin juga mendapati Anwar adalah seorang yang angkuh dan sombong. Katanya, beliau gagal dalam tugasnya jika tidak menjatuhkan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan oleh Anwar.



## 10 sebab Anwar dipenjara

Oleh Khirul Bahri Basaruddin

Hakim Ariffin Jaka dalam penghakiman setebal 206 halaman menghurai dengan secara teliti keterangan sembilan saksi pendakwa dan 29 saksi pembela dalam 10 sebab mensabitkan kesalahan Anwar dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja meliwat Azizan

Keratan akhbar Berita Harian bertarikh 15 Jun 2001 yang memaparkan 10 sebab Anwar dipenjara



Dato' Seri Anwar Ibrahim



Sukma Darmawan

**'Ariffin juga mendapati Anwar adalah seorang yang angkuh dan sombong. Katanya, beliau gagal dalam tugasnya jika tidak menjatuhkan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan oleh Anwar'**